

Wan Aminuddin

3. Harian (M)

sedia
- 1 MAY 1989
dihukum



Oleh MOHD RAHIME YUSOF

PESILAT Terbaik Dunia '87, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, sedia menerima hukuman 'gugur' daripada jawatankuasa pemilihan skuad Sukan SEA XV, jika didapati tidak kecergasan dan kewibawaannya diragui.

Schubungan itu, dia mengesahkan akan menyertai latihan pusat peringkat keenam selama sebulan di Kuala Lumpur pada Jun ini, setelah gagal mengikuti latihan peringkat kelima di Kota Bharu, Februari lalu.

Pesilat elit itu sebelum ini beberapa kali gagal mengikuti latihan pusat kerana masalah cuti. Tetapi, dia tetap giat menjalani latihan sendiri bagi mengekalkan kecergasan.

Berikutan itu, Wan Aminuddin tidak bimbang jika asas pengguguran pesilat ke Sukan SEA berdasarkan kecergasan sewaktu latihan pusat bulan depan.

"Saya tidak kecewa jika digugurkan. Tetapi, sebelum itu saya mahu buktikan keupayaan dan persembahan saya tidak merosot sekalipun tidak menyertai latihan pusat sebelum ini," kata Wan Aminuddin Baki.

Beliau berkata, kegagalan mengikuti latihan pusat tidak melupakannya daripada berlatih sendiri. Ini kerana hasrat untuk merangkul pingat di Sukan SEA begitu tebal.

Katanya, dia menggunakan segala pengetahuan yang diperolehi sepanjang latihan pusat sebelum ini dan dipraktikkan dalam latihan persendirian. Selain itu, tambah Pesilat Terbaik Kebangsaan '88 lagi, dia turut mendapat bimbingan khusus mengenai cara-cara untuk meningkatkan kecergasan dan kemandapan otot.

"Saya tidak mahu berjanji terlalu awal untuk merangkul pingat emas di Sukan SEA. Ini kerana jawatankuasa pemilihan Sukan SEA belum lagi memilih pesilat yang layak mewakili negara ke temasya sukan itu," katanya.

Amizah

gigih
3. Harian (M)
pastikan
- 4 MAY 1989
peluang



Oleh AZMAN MAHMOOD

PELATIH silat olahraga kebangsaan, Wan Amizah Wan Ahmad, menjalani latihan gigih di Kota Bharu, walaupun peluangnya untuk mewakili negara ke Sukan SEA, masih belum terjamin.

Pesilat yang baru dua tahun membabit diri dengan sukan itu, menjuarai Kejohanan Silat Kebangsaan di Port Dickson dan pingat gangsa di Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur.

Wan Amizah berkata, dia sedang mengikuti latihan pesat di bawah awasan ketua jurulatih Kelantan, Mohd Noor Mahmud, bagi melengkapkan lagi dirinya sebelum membawa cabaran negara, pada Ogos nanti, jika dipilih.

"Sejak latihan pusat peringkat pertama hingga kelima di Kota Bharu, baru-baru ini, pesilat-pesilat Kelantan belum lagi menghentikan latihan untuk tempoh tertentu," katanya.

Menurut Wan Amizah latihan intensif itu diteruskan sehingga ke latihan pusat peringkat keenam (akhir) di Kuala Lumpur, pada bulan depan.

Pesilat kategori B itu berkata, walaupun melalui bulan puasa latihan keras seperti menendang guni bagi memperkuatkan otot turut diadakan antara satu dan dua jam sehari pada waktu petang.

"Saya sering berlatih bersama Mohd Basri Abdul Rahman, iaitu juara Kejohanan Silat Jemputan Singapura tahun lalu," katanya.